

Bahagian Sekolah-Sekolah,  
Kementerian Pelajaran Malaysia,  
Tingkat 12-14, Bangunan Bank Pertanian,  
Leboh Pasar Besar,  
Kuala Lumpur.

Telefon 922066  
Kawat 'PELAJARAN'

---

KP(BS) 8591/Jld. 11/(24)

14hb.Jun,1984.

Semua Pengarah Pelajaran Negeri,  
Malaysia.

YB. Datuk/Tuan,

### **SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 4/1984**

#### **Perhimpunan Sekolah**

Tujuan surat pekeliling ini adalah untuk memberi panduan dan menegaskan lagi kepada pihak sekolah tentang mustahaknya diadakan perhimpunan sekolah.

2. Perhimpunan sekolah hendaklah diadakan pada tiap-tiap minggu persekolahan dan hendaklah dianggap sebagai satu majlis rasmi di peringkat sekolah. Tujuan mengadakan perhimpunan sekolah ini adalah untuk menyemai, menanam dan memupuk semangat cinta dan taat setia kepada negara, serta meningkatkan lagi disiplin dan sifat-sifat keteladanan di kalangan murid-murid. Untuk mencapai matlamat-matlamat tersebut, perhimpunan sekolah harus mengwujudkan satu suasana yang teratur, bertertib dan penuh hormat, di mana setiap orang dalam perhimpunan itu hendaklah mematuhi nilai, norma dan peraturan perhimpunan tersebut.

3. Berikut adalah panduan mengenai pengelolaan perhimpunan sekolah: -

#### **3. Masa**

- 3.1.1 Perhimpunan sekolah pada hari pertama minggu persekolahan adalah digalakkan.
- 3.1.2 Bagi sekolah pagi, perhimpunan sekolah adalah di sebelah pagi dan bagi sekolah petang, perhimpunan pada waktu akhir adalah digalakkan. Semua pelajaran pada hari itu hendaklah disesuaikan supaya dapat berjalan kesemuanya.
- 3.1.3 Sekolah-sekolah yang mempunyai dua sidang ,pagi dan petang, perhimpunan beramai-ramai adalah digalakkan. Sekolah-sekolah yang mempunyai dewan atau lain-lain kemudahan yang boleh menampung semua murid sidang pagi dan petang, hendaklah mengadakan perhimpunan beramai ini setelah tamat sidang pagi tetapi sebelum bermulanya sidang petang.

#### **3.2 Aturcara**

- 3.2.1 Perhimpunan sekolah antara lain mengandungi:-

- 3.2.1.1 Nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Ku / dan Lagu Kebangsaan Negeri / dan Lagu Sekolah (jika ada).
  - 3.2. 1.2 Upacara menaikkan bendera.
  - 3.2.1.3 Upacara membaca ikrar Rukunegara.
  - 3.2.1.4 Ucapan Guru Besar.
  - 3. 11.5 Lain-lain perkara yang difikirkan perlu bagi mencapai tujuan perhimpunan.
- 3.2.2 Perhimpunan sekolah hendaklah dijalankan dengan ringkas dan tidak mengambil masa yang berlarutan.

#### 4. **Perhatian**

Pihak sekolah adalah dinasihat untuk mengambil perhatian dan tindakan-tindakan berikut: -

- 4.1.1 Surat Pekeliling 'Am Bilangan 23, Tahun 1966, mengenai 'Lagu Kebangsaan' bertarikh 29hb. November, 1966, keluaran Jabatan Perdana Menteri. (disertakan bersama)
- 4.1.2 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1975 mengenai 'Nyanyian Lagu Kebangsaan "Negaraku", bertarikh 20hb. Mei, 1975.
- 4.1.3 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1975 mengenai 'Nyanyian Lagu Kebangsaan/Lagu Negeri dan Mengibar Bendera. Persekutuan / Bendera Negeri di sekolah-sekolah / Maktab-maktab Perguruan', bertarikh 8hb.September, 1975.
- 4.2 Semua guru dan murid hendaklah sama-sama berada di dalam mailis perhimpunan itu dan bersama-sama menyanyikan Lagu Kebangsaan, Lagu Negeri dan / Lagu Sekolah (jika ada) dengan betul dan penuh bersemangat.
- 4.3 Kakitangan-kakitangan bukan guru adalah digalakkan bersama dalam majlis perhimpunan ini.
- 4.4 Perkara-perkara yang boleh meninggikan lagi moral, disiplin dan perpaduan, menaikkan semangat kerajinan dan keusahaan serta membentuk sikap murid-murid ke arah yang lebih positif adalah digalakkan untuk disampaikan kepada murid-murid dalam perhimpunan.
- 4.5 Pihak sekolah tidak boleh menggunakan perhimpunan itu sebagai tempat untuk menjalankan hukuman kepada murid-murid, mencaci, menghasut atau mengambil sebarang tindakan yang boleh memalukan seseorang murid atau lain-lain pihak.

5. Harap maklumkan kandungan surat pekeliiling ini kepada. semua Guru Besar.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI IDRIS BIN HAJI TAIN)

Bahagian Sekolah-Sekolah,

b.p. Ketua Setiausaha, Kementerian Pelajaran Malaysia.

- s.k.
1. Setiausaha Sulit kepada Y.B. Menteri Pelajaran Malaysia.
  2. Setiausaha Sulit kepada Y.B. Dato' Khalil bin Yaakob, Timbalan Menteri Pelajaran.
  3. Setiausaha Sulit kepada Y.B. Dr. Tan Tiong Hong Timbalan Menteri Pelajaran.
  4. Ketua Setiausaha, Kernenterian Pelajaran.
  5. Ketua Pengarah Pelajaran, Kernenterian Pelajaran.
  6. Timbalan Ketua Setiausaha I, Kementerian Pelajaran.
  7. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran I, Kernenterian Pelajaran
  8. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran II, Kernenterian Pelajaran
  9. Timbalan Ketua Setiausaha II, Kernenterian Pelajaran.
  10. Ketua-Ketua Bahagian, Kernenterian Pelajaran.
  11. Ketua Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, Kementerian Pelajaran.
  12. Pegawai Khas I kepada Y.B. Menteri Pelajaran.
  13. Unit Hal Ehwal Awam, Kernenterian Pelajaran.

Bahagian Sekolah-Sekolah,  
Kementerian Pelajaran,  
Tingkat 12-14, Bangunan Bank Pertanian,  
Lebuhr Pasar Besar,  
Kuala Lumpur.

Telefon 922066  
Kawat 'PELAJARAN'

---

KP(BS) 8591/Jld. II/(26)

10hb. September, 1984.

Semua Pengarah Pelajaran Negeri,  
Malaysia.

Y.B. Datuk/Tuan,

**TAMBAHAN KEPADA SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 4/1984**

**Perhimpunan Sekolah**

Lanjutan kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1984 bertarikh 14hb. Jun 1984 yang menetapkan peraturan dan masa perhimpunan sekolah, adalah dibawa kepada perhatian Y.B. Datuk/Tuan bahawa lagu 'Malaysia Berjaya' juga hendaklah dinyanyikan bersama semasa perhimpunan.

2. Oleh yang demikian dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.4/1984 para 3.2.1. mengenai aturcara perhimpunan mingguan sekolah hendaklah antara lain mengandungi :

- 2.1 Nyanyian Lagu Kebangsaan Negaraku/dan Lagu Kebangsaan Negeri, Lagu 'Malaysia Berjaya' dan Lagu Sekolah,(jika ada);
- 2.2 Upacara menaikkan bendera;
- 2.3 Upacara. membaca ikrar Rukunegara;
- 2.4 Ucapan Guru Besar;
- 2.5 Lain-lain perkara yang difikirkan perlu bagi mencapai tujuan perhimpunan

3. Di samping mengadakan perhimpunan mingguan, sekolah-sekolah juga adalah diminta mengadakan perhimpunan khas guru-guru dan murid-murid pada tiap-tiap hari untuk bersama-sama menyanyikan Lagu Kebangsaan Negaraku dan Lagu 'Malaysia Berjaya'. Perhimpunan khas tersebut hendaklah diadakan tiap-tiap hari sebelum waktu pertama bermula sama ada bagi sekolah satu sidang atau dua sidang. Sekiranya bertujuan untuk menjimatkan masa, lagu-lagu tersebut boleh dinyanyikan di dalam kelas dengan diketuai oleh guru yang mengajar waktu pertama pada hari itu.


4. Diminta supaya lagu-lagu tersebut dinyanyikan dalam suasana teratur,bertatertib, dan dengan penuh semangat.

5. Harap Y.B. Datol/Tuan memaklumkan kandungan surat pekeling ini kepada semua sekolah.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI IDRIS BIN HAJI TAIN)  
Bahagian Sekolah-Sekolah,  
b.p Ketua Setiausaha, Kementerian Pelajaran.

- s.k.
1. Setiausaha Sulit kepada Y.B. Menteri Pelajaran Malaysia.
  2. Setiausaha Sulit kepada Y.B. Dato' Khalil bin Yaakob.  
Timbalan Menteri Pelajaran.
  3. Setiausaha Sulit kepada Y.B. Dr. Tan Tiong Hong  
Timbalan Menteri Pelajaran.
  4. Ketua Setiausaha. Kementerian Pelajaran.
  5. Ketua Pengarah Pelajaran, Kementerian Pelajaran.
  6. Timbalan Ketua Setiausaha I, Kementerian Pelajaran.
  7. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran I, Kementerian Pelajaran.
  8. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran II, Kementerian Pelajaran.
  9. Timbalan Ketua Setiausaha II, Kementerian Pelajaran.
  10. Ketua-Ketua Bahagian, Kementerian Pelajaran.
  11. Ketua Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, Kementerian Pelajaran.
  12. Pegawai Khas I kepada Y.B. Menteri Pelajaran.
  13. Unit Hal Ehwal Awam, Kementerian Pelajaran.